

# Lapan remaja dikompauun RM1,000 kerana buat bising, abai penjarakan sosial

Oleh Henry Bating

**LABUAN:** Polis WP Labuan kelmari mengenakan kompaun RM1,000 seorang ke atas lapan remaja lelaki tempatan berumur antara 17 hingga 19 tahun atas kegagalan mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang sedang berkuat kuasa.

Ketua Polis Daerah WP Labuan Supt Muhammad Farid Ahmad berkata, semua remaja berkenaan ditahan pasukan pemantau PKPB waktu subuh 8 Jun pada jam 5 pagi.

Kumpulan remaja itu ditahan di kawasan koridor luar tingkat 11, Apartmen Ganggarak Permai ekoran aduan bising daripada orang awam," katanya.

Farid menjelaskan, sebaik sampai di tempat kejadian, pasukan pemantau mendapati kalangan remaja itu bermain aplikasi 'game' telefon bimbit sesama sendiri.

Perbuatan itu kata Farid adalah dilarang kerana mengabaikan penjarakan sosial.

Menurut Farid, semua remaja berkenaan dibawa ke Balai Polis Labuan untuk tindakan kompaun dibawah Peraturan 7(1) Peraturan-




**TERIMA PADAH:** Sekumpulan remaja ditahan mengabaikan penjarakan sosial.

Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.6) 2020.

Katanya, kesalahan kompaun itu memperuntukkan hukuman denda RM1,000 dan hendaklah dibayar di pejabat kesihatan WP Labuan dalam tempoh 14 hari dari tarikh kompaun dikeluarkan.

Jelasnya, kegagalan membayar kompaun dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan tindakan pendakwaan di mahkamah oleh pihak Jabatan Kesihatan WP Labuan.



**BISING:** Remaja terbabit membuat bising seawal jam 5 pagi.